

PARENT/LEGAL GUARDIAN ONLINE CONSENT FORM

Ibubapa/Penjaga [sila pilih yang berkaitan]

Nama :

NRIC No.:

Alamat :

Tel. :

Peserta

Nama :

Umur :

NRIC:

- Saya adalah ibu bapa/penjaga kepada peserta di atas. Saya mengesahkan bahawa saya bersetuju untuk membenarkan peserta seperti maklumat diatas untuk menyertai Klinik Juara MILO atas talian (MILO CHAMPIONS KLINIK ONLINE).
- Saya ingin menyertai Kelab Dear Nestlé dan menerima maklumat pemasaran mengenai produk, sampel, acara dan promosi daripada pihak NESTLÉ.
- Saya telah membaca dan bersetuju dengan **Terma dan Syarat** promosi ini **[hyperlink to the contest terms and conditions which contains the contest privacy notice]** dan pemprosesan maklumat peribadi saya dan Peserta(termasuk maklumat peribadi sensitif seperti keadaan kesihatan Peserta) seperti yang dinyatakan dalam **Notis Privasi[hyperlink is to the DN privacy notice]**.
-<https://www.dearnestle.com.my/Notis-Privasi-Keahlian-Kelab>

Terma & Syarat

Saya, Penjaga/Ibu Bapa kepada Peserta yang didaftarkan bersetuju, secara peribadi dan bagi pihak Peserta, bersetuju:

1. Program ini dikenali sebagai KLINIK JUARA MILO ATAS TALIAN (MILO Champions Klinik Online). Klinik ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia berumur 7 tahun sehingga 12 tahun (lahir di antara tahun 2008 hingga tahun 2013) sahaja ("Peserta").
2. Klinik ini adalah khusus untuk pengenalan sukan bagi sukan Bola Keranjang, Futsal dan Badminton.
3. Klinik sukan ini akan dianjurkan oleh Nestlé Products Sdn Bhd ("Penganjur") secara atas talian dan boleh dijalankan oleh Peserta atau penjaga/ibu bapa di mana-mana kawasan yang ditentukan atas budi bicara sendiri. Klinik tersebut akan bermula dari 10 Oktober 2020 hingga 22 November 2020 dan dijalankan pada setiap hujung minggu. Klinik ini akan berlansung secara 5 sesi tayangan video (dibekalkan sebelum) dan 5 sesi secara maya atas talian dengan jurulatih yang telah dilantik oleh Penganjur. Masa setiap sesi atas talian mungkin berbeza mengikut jenis sukan. Perubahan tarikh dan masa Klinik tertakluk kepada Penganjur dan akan dimaklumkan kepada Peserta.
4. Yuran penyertaan Klinik adalah seperti berikut:

Futsal

- a) Pakej Asas: RM50 (termasuk: 10 Marker/Penanda, 6 Kon, 1x Jersey Latihan MILO®)
- b) Pakej Penuh: RM85 (termasuk: 1 Bola Futsal Saiz 3, 10 Marker/Penanda, 6 Kon, 1 Jersey Latihan MILO®)

Badminton

- a) Pakej Asas: RM50 (termasuk: 6 Kon, 6 Bulu Tangkis Sintetik, 1x Jersey Latihan MILO®)
- b) Pakej Penuh: RM85 (termasuk: 1 Raket, 6 Kon, 6 Bulu Tangkis Sintetik, 1 Jersey Latihan MILO®)

Bola Keranjang

- a) Pakej Asas: RM50 (termasuk: 4 Kon, 1x Jersey Latihan MILO®)
- b) Pakej Penuh: RM85 (termasuk: 2 Bola Keranjang Saiz 5, 4 Kon, 1 Jersey Latihan MILO®)

5. Peserta akan mengikuti 5 sesi Klinik yang direkod secara atas talian dengan saluran khusus. Tempoh setiap sesi adalah 30 minit. Semua Peserta diwajibkan menyempurnakan kesemua sesi latihan yang ditetapkan untuk mendapatkan sijil dan medal penyertaan Klinik.
6. Pihak penganjur mempunyai hak sepenuhnya untuk mengubah masa latihan secara atas talian bergantung kepada kesesuaian dan masa yang ditetapkan.

7. Penyertaan adalah terhad dan hanya boleh menerima jumlah penyertaan yang ditetapkan mengikut jenis sukan dan jumlah jurulatih yang dilantik oleh pihak penganjur berdasarkan konsep “siapa cepat, dia dapat”. Pendaftaran akan dibuka dari 1 September 2020 dan akan ditutup pada 4 October 2020 pada pukul 5 petang atau apabila jumlah penyertaan yang ditetapkan oleh Penganjur untuk setiap kumpulan penuh.
8. Semua Peserta akan menerima 1 helai baju-T MILO, produk MILO, Medal, certificate dan peralatan asas untuk latihan. Barang-barang keperluan latihan akan dikirim ke alamat Peserta daripada pihak ketiga yang dilantik oleh pihak Penganjur.
9. Setiap Peserta diwajibkan untuk memakai baju-T MILO yang dibekalkan sepanjang masa sesi Klinik ini berlangsung.
10. Semua Peserta mesti mengikut arahan jurulatih yang berkaitan dengan latihan sepanjang masa Klinik dijalankan.
11. Sila pastikan setiap Peserta dilengkapi dengan pakaian dan kasut sukan yang bersesuaian untuk latihan dan air minuman yang secukupnya.
12. Penganjur boleh menggunakan penyertaan Peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Klinik (secara kolektif dinamakan “Bahan”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barangan atau perkhidmatan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.
13. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku gangguan dari sumber internet atau penundaan masa semasa sesi secara langsung atas talian dijalankan.
14. Semua aktiviti merakam video latihan yang dijalankan adalah dilarang. Hakcipta video Penganjur tersebut adalah dimiliki Penganjur secara penuh.
15. Iubapa/penjaga bersetuju bahawa:
 - a. penyertaan Peserta dalam Klinik adalah atas risiko Peserta, Iubapa/penjaga sendiri;
 - b. mereka sedia maklum akan risiko-risiko berkaitan dengan Klinik ini dan bersetuju untuk melepaskan, tidak mempertanggungjawabkan dan tidak mendakwa/menyalahkan Penganjur, syarikat pegangan, anak syarikat atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Klinik ini, termasuk ketika dalam perjalanan pergi dan balik yang membabitkan kecederaan atau kematian yang dialami sebelum, semasa dan selepas Klinik ini;
 - c. bertanggungjawab sepenuhnya terhadap Peserta atas apa-apa kejadian/perkara;

- d. mesti mematuhi dan mentaati segala peraturan dan undang-undang, dan juga bersetuju untuk mengikuti apa-apa arahan lisan atau arahan yang diberikan oleh Penganjur, kakitangan, wakil atau ejen-ejenjnya;
- e. mengesahkan bahawa Peserta sihat secara fizikal, bersedia atau dilatih untuk mengambil bahagian dalam Klinik ini dan tidak disyorkan untuk tidak mengambil bahagian oleh seorang profesional perubatan yang berkeelayakan. Peserta tidak mempunyai sebab-sebab atau masalah yang berkaitan dengan kesihatan yang menghalang penyertaan Peserta dalam Klinik ini; dan
- f. memahami bahawa Klinik ini melibatkan risiko kecederaan diri, dan bersetuju untuk bertanggungjawab atas kesihatan dan kesejahteraan Peserta semasa berkaitan Klinik ini.

Notis privasi

1. Dengan menyertai acara MILO® Champions Klinik Online, anda telah bersetuju untuk Nestlé Products Sdn. Bhd. dan mana-mana syarikat pegangan, subsidiari atau berkaitannya sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”) dan pembekal-pembekal perkhidmatan, ejen-ejen dan kontraktor-kontraktor yang memberikan sokongan pentadbiran dan perniagaan kepada kami dan bertindak bagi pihak kami (“Pihak-Pihak Ketiga Lantikan”) (secara kolektif “Penganjur” atau “kami”) memproses maklumat peribadi Peserta yang dikemukakan dalam borang penyertaan atas talian bagi tujuan Klinik tersebut. Ini termasuk mendedahkan nama Peserta kepada masyarakat umum apabila Peserta menyertai Klinik kami dengan menerbitkan nama, gambar-gambar dan lain-lain maklumat peribadi peserta tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
2. Sekiranya anda bersetuju untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadi Peserta untuk merujuk kepada Penganjur, anda mengakui bahawa anda telah mendapatkan persetujuan daripada Peserta tersebut untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadinya kepada kami dan untuk dihubungi oleh kami.
3. Berkenaan dengan golongan bawah umur atau individu-individu yang tidak layak di bawah undang-undang untuk memberi kebenaran, anda mengesahkan bahawa mereka telah melantik anda untuk bertindak bagi pihak mereka dan untuk bersetuju bagi pihak mereka kepada pemrosesan maklumat peribadi mereka selaras dengan Notis Privasi ini.
4. Pada masa tertentu Penganjur mungkin melantik Pihak-Pihak Ketiga Lantikan untuk memproses maklumat peribadi peserta. Semua Pihak-Pihak Ketiga Lantikan adalah terikat secara kontrak untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menyimpan maklumat dengan selamat dan tidak menggunakan maklumat peribadi Peserta dalam apa jua cara selain daripada yang dinyatakan di sini dan dalam Polisi Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy.
6. Pihak Penganjur adalah sebuah syarikat global dan maklumat peribadi Peserta mungkin akan dipindahkan merentasi sempadan melalui laman sesawang. Justeru, Penganjur akan memastikan bahawa data Peserta hanya akan dipindahkan ke negara yang mempunyai tahap undang-undang perlindungan data yang sama atau setara, seperti yang dinyatakan dalam Polisi Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy.
7. Setakat mana undang-undang terpakai membenarkan, anda mempunyai hak untuk meminta akses kepada, meminta salinan, meminta untuk mengemaskini atau membetulkan, data peribadi Peserta yang disimpan oleh kami.

Semua permintaan atau pertanyaan bertulis anda hendaklah dialamatkan kepada:

- Alamat: Nestlé Products Sdn. Bhd., 22-1, Tingkat 22, Menara Surian, No. 1, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor.

Atau

- Borang Web : <https://www.nestle.com.my/contactus>

Atau

- Hubungi kami : 1-800-88-3433

8. Sila ambil perhatian bahawa Penganjur memerlukan maklumat peribadi Peserta untuk memproses penyertaan Peserta dalam Klinik tersebut dan tanpa maklumat yang diperlukan, kami tidak akan dapat memproses permohonan anda.

9. Untuk penerangan terperinci mengenai amalan privasi kami, sila rujuk kepada Polisi Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy. Kami berhak untuk mengemaskini dan meminda Notis Privasi ini atau Polisi Privasi kami dari semasa ke semasa.

10. Kami mungkin memerlukan anda mengemukakan Maklumat Peribadi Sensitif Peserta (seperti data yang berkaitan dengan kesihatan fizikal atau mental Peserta, termasuk keadaan kesihatan) sekiranya Peserta memohon untuk menyertai Klinik tersebut.

Kami hanya akan menggunakan Maklumat Peribadi Sensitif Peserta bagi tujuan Klinik tersebut yang tertentu dan untuk menasihati Peserta mengenai produk yang sesuai untuk memenuhi tahap kesihatan semasa dan gaya hidup anda.

Anda mempunyai pilihan, pada bila-bila masa, untuk tidak memberikan Maklumat Peribadi Sensitif Peserta atau membatalkan kebenaran anda kepada kami untuk memproses Maklumat Peribadi Sensitif Peserta. Bagaimanapun, kegagalan untuk mengemukakan Maklumat Peribadi Sensitif ini atau pembatalan kebenaran anda untuk memproses Maklumat Peribadi Peserta yang dikemukakan, akan mungkin mengakibatkan kami tidak dapat memproses penyertaan Peserta dalam Klinik tersebut.